

Projek Dua Dalam Satu LAH-BSF: UPMKB dan KDLB, memperkasa pendayaupayaan serta ekonomi komuniti

Sumbangan Dr Latifah Omar (UPMKB)

PROJEK Dua Dalam Satu LAH-BSF: UPM Kampus Bintulu dan Koperasi Dalat Lestari Berhad (KDLB) adalah projek yang dijalankan di bawah Program Pendayaan Komuniti@UniMadani yang melibatkan komuniti dari enam kampung di daerah Dalat.

Projek yang diketuai oleh Dr Latifah Omar dan Mohd Hasyrin Hassan yang bertindak sebagai fasilitator dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) ini dibiayai oleh Kementerian Kewangan bagi memperkasakan pendayaupayaan serta ekonomi komuniti yang terlibat.

Melalui program pendayaan komuniti ini, para peserta telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran teknikal, pengurusan perniagaan, dan



PENUTUP: Para peserta bergambar dengan ketua kaum dan pengendali projek pada Majlis Penutupan Program Pendayaan Komuniti@UniMadani Projek Dua Dalam Satu LAH.



JANA PENDAPATAN: Para peserta projek dari Kampung Sungai Ud yang berjaya menjana pendapatan melalui jualan ayam kampung kacukan proses.

pemasaran. Dengan usaha berterusan, para peserta projek ini ialah penghasilan baja organik yang dinamakan fras (tinja larva dan lebihan makanan yang tidak dihidam) melalui penternakan larva lalat askar hitam, penternakan ayam kampung kacukan dan penternakan burung puyuh.

Projek membuat fras telah bermula pada 28 Ogos 2024 bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta projek dalam menghasilkan baja organik dan inovasi baja organik menggunakan rumpai akuatik iaitu keladi bunting serta sisa buangan dapur.

Program ini membantu peserta memanfaatkan sisa

buangandenganmenguruskansisa tersebut secara lestari serta menyumbang kepada pengurangan penggunaan baja kimia dalam tanaman peserta.

Aktiviti pembuatan baja organik bermula pada 29 Ogos sehingga 13 Oktober 2024 bertempat di balai raya Kampung Kekan melibatkan peserta seramai 60 ahli KDLB.

Matlamat program ini adalah untuk menguruskan keladi bunting dan sisa domestik serta berkongsi pengetahuan dengan para peserta mengenai pentingnya teknologi mesra alam dalam amalan sistem pertanian lestari sejajar dengan misi dan visi KDLB.

Walaupun program pendayaan komuniti ini telah berakhir, namun peserta projek masih meneruskan usaha mereka tanpa dipantau contohnya, Edward Atit yang menternak 450 ekor anak ayam



TERIMA KASIH: Latifah menyatakan penghargaan terhadap komitmen dan usaha peserta sepanjang Program Pendayaan Komuniti@UniMadani.

kampung kacukan. Beliau juga telah menternak ayam kampung kacukan sebagai induk dengan membeli empat ekor ayam kampung kacukan betina dan dua jantan sebagai pembaka daripada Pusat Pertanian Putra, UPMKB.

Bagi peserta projek yang lain, mereka telah membeli inkubator untuk menetas telur ayam kampung kacukan serta telur puyuh bagi meneruskan aktiviti ternakan memandangkan jualan telur puyuh, daging puyuh dan ayam kampung kacukan mendapat permintaan yang memberangsangkan di daerah Dalat. Ini terbukti daripada jualan ayam kampung proses yang sangat laris daripada peserta Kampung Sungai

Ud.

Setakat Disember 2024, peserta projek dari Kampung Sungai Ud telah menjual 11 ekor ayam kampung kacukan yang telah diproses dengan harga RM21 sekilogram dan menjana pendapatan sebanyak RM1034.55. Projek ini memberi impak kepada peserta program daripada segi pengurusan aliran tunai.

Program ini juga memberi penekanan terhadap pengurusan kewangan yang berkesan, dengan beberapa peserta projek kini dapat menguruskan pendapatan dan perbelanjaan daripada hasil penjualan ayam kampung kacukan proses dan ayam kampung kacukan hidup. Rekod kewangan

yang kemas dan teratur telah membantu peserta mengukur keuntungan dan merancang pertumbuhan perniagaan mereka.

Peserta dari Kampung Sungai Ud juga berjaya menetas telur puyuh menggunakan inkubator dan mendapatkan 35 ekor anak puyuh daripada telur puyuh yang mereka beli daripada peserta Kampung Teh Oya.

Sementara peserta dari Kampung Tanam pula menjual ayam kampung kacukan hidup pada harga RM21 sekilogram.

Peserta projek dari Kampung Kekan, Kampung Teh, dan Kampung Medong juga memperoleh pendapatan daripada jualan telur puyuh



SYUKUR: Aznie menyatakan kesyukuran dan menzahirkan penghargaan kepada ketua projek serta para peserta yang terlibat dalam Projek Dua Dalam Satu LAH-BSF: UPM Kampus Bintulu dan KDLB.



PENUTUPAN: Peter Lai menyempurnakan Majlis Penutupan Program Pendayaan Komuniti@UniMadani di balairaya Kampung Kekan, Dalat baru-baru ini.

serta jualan daging puyuh proses.

Beberapa peserta juga telah menunjukkan minat untuk mengembangkan operasi mereka dengan menggunakan inkubator bagi menetas anak ayam kampung kacukan dan anak ayam kampung kacukan.

Peserta dari Kampung Kekan iaitu Benet telah membeli inkubator untuk menetas telur puyuh bagi mendapatkan anak burung puyuh. Setakat ini, penetasan telur puyuh telah berjaya dilakukan oleh beliau yang mana telur puyuh yang dieram dalam inkubator telah menetas selepas 16 hari pengeraman.

Pada Majlis Penutupan Program Pendayaan Komuniti@UniMadani bagi Projek Dua Dalam Satu LAH-BSF: UPM Kampus Bintulu dan Koperasi Dalat Lestari Berhad baru-baru ini, Pengerusi KDLB Muhd Aznie menyatakan kesyukuran serta penghargaan atas penglibatan peserta koperasi dalam program ini.

Walaupun pencapaian aktiviti penternakan larva lalat askar hitam tidak begitu memberangsangkan, beliau menyatakan kebanggaan terhadap kesungguhan dan komitmen peserta serta menghargai kemahiran serta ilmu pengetahuan yang telah dipindahkan kepada para peserta.

Menurut Aznie, antara punca penternakan larva lalat askar hitam tidak mencapai matlamat sepenuhnya ialah disebabkan kekang kawasan penternakan. Namun begitu, apabila kilang pembuatan baja organik beroperasi nanti, isu ini tidak akan menjadi masalah pada masa hadapan.

Sementara itu, sebelum menutup program ini, Latifah menyatakan kebanggaan beliau terhadap komitmen yang berterusan dan kerjasama yang padu yang

ditunjukkan oleh semua peserta projek yang terdiri daripada Kampung Kekan, Kampung Medong, Kampung Sungai Ud, Kampung Sungai Kut Muara, Kampung Tanam, dan Kampung Teh Oya yang kesemua peserta merupakan ahli KDLB.

Beliau menyuarakan penghargaan kepada peserta dan mengharap kerjasama akan kekal terjalin antara komuniti dan UPMKB walaupun program ini telah berakhir pada Disember 2024.

Latifah juga mengharap agar lebih banyak peruntukan diberikan kepada komuniti serta peluang untuk pihak universiti memindahkan kemahiran serta pengetahuan sebagai sumbangan mereka kepada komuniti.

Pemanca Peter Lai Sakul yang menyempurnakan majlis penutupan tersebut pula menyatakan penghargaan kepada kedua-dua pihak UPMKB dan KDLB serta mengucapkan tahniah atas pelaksanaan projek ini selama enam bulan.

Dalam ucapannya juga, Peter Lai menyatakan kesyukuran dan keterujaan melihat pencapaian serta usaha peserta yang terlibat dalam program pendayaan komuniti ini.

Beliau berharap agar lebih banyak peluang diberikan kepada komuniti untuk menceburkan diri dalam program yang dapat memperkasakan kemahiran serta hak keupayaan komuniti dan dalam masa sama dapat mempertingkatkan taraf ekonomi komuniti.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Penghulu Yasa Tanbik, Penghulu Uprel Depit, Ketua Kaum Augustine Kupang, Ketua Kaum Andyson Sungking, Ketua Kaum Jonas Adang, Ketua Kaum Mahrup Libeng dan para peserta projek.

UJO LESTARI 2024									
REKOD TERNAKAN DAN PENGURUSAN AYAM									
HARGA JUALAN (SEM BELAH - RM 25/KG, HIDUP RM 21/KG)									
BIL	TARIKH	CATATAN	PERKARA			JANTAN A	BETINA B	BERAT ANAK(KG)	RM
			H	S	M.S				
1.	12.11.24							1.2	30.00
2.	12.11.24							1.8	45.00
3.	12.11.24							1.8	45.00
4.	12.11.24							1.6	33.50
5.	12.11.24							1.8	45.00
6.	12.11.24							1.7	42.50
7.	12.11.24	SENDIRI MAKAN(PELENI)						1.9	
8.	15.11.24							1.8	45.00
9.	15.11.24							1.7	42.50
10.	15.11.24							2.0	50.00
11.	20.11.24	SENDIRI MAKAN(YAZIED)						2.1	
12.	20.11.24							2.1	52.50
13.	20.11.24							1.7	42.50
14.	20.11.24							1.9	47.50
15.	20.11.24							2.1	52.50
16.	26.11.24							1.7	42.50
17.	26.11.24							2.1	52.50
18.	27.11.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							30.40
19.	30.11.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							28.00
20.	02.12.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							34.40

M/S 1

UJO LESTARI 2024									
REKOD TERNAKAN DAN PENGURUSAN AYAM									
HARGA JUALAN (SEM BELAH - RM 25/KG, HIDUP RM 21/KG)									
BIL	TARIKH	CATATAN	PERKARA			JANTAN A	BETINA B	BERAT ANAK(KG)	RM
			H	S	M.S				
21.	04.12.24							2.0	50.00
22.	04.12.24	SENDIRI MAKAN(MURI)						2.0	
23.	07.12.24	MATI						1.6	
24.	08.12.24							2.0	50.00
25.	08.12.24							2.0	50.00
26.	08.12.24	SENDIRI MAKAN(YAZIED)						1.9	
27.	08.12.24	SENDIRI MAKAN(PELENI)						2.1	
28.	08.12.24	SENDIRI MAKAN(MURI)						2.1	
29.	09.12.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							54.45
30.	10.12.24							1.5	37.50
31.	14.12.24							2.7	67.50
32.	14.12.24							2.2	55.00
33.	15.12.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA)							18.20
34.	18.12.24							1.8	45.00
35.	18.12.24							2.0	50.00
36.	18.12.24							2.2	55.00
37.	18.12.24							2.0	50.00
38.	18.12.24							1.8	45.00
39.	18.12.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA)							22.50
40.									1034.55

M/S 2

REKOD: Laporan yang dibuat oleh peserta projek dari Kampung Sungai Ud.



MEMBERANGSANGKAN: Edward meneruskan projek dengan pembelian 450 ekor anak ayam kampung kacukan.

UJO LESTARI 2024									
REKOD TERNAKAN DAN PENGURUSAN AYAM									
HARGA JUALAN (SEM BELAH - RM 25/KG, HIDUP RM 21/KG)									
BIL	TARIKH	CATATAN	PERKARA			JANTAN A	BETINA B	BERAT ANAK(KG)	RM
			H	S	M.S				
1.	12.11.24							1.2	30.00
2.	12.11.24							1.8	45.00
3.	12.11.24							1.8	45.00
4.	12.11.24							1.6	33.50
5.	12.11.24							1.8	45.00
6.	12.11.24							1.7	42.50
7.	12.11.24	SENDIRI MAKAN(PELENI)						1.9	
8.	15.11.24							1.8	45.00
9.	15.11.24							1.7	42.50
10.	15.11.24							2.0	50.00
11.	20.11.24	SENDIRI MAKAN(YAZIED)						2.1	
12.	20.11.24							2.1	52.50
13.	20.11.24							1.7	42.50
14.	20.11.24							1.9	47.50
15.	20.11.24							2.1	52.50
16.	26.11.24							1.7	42.50
17.	26.11.24							2.1	52.50
18.	27.11.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							30.40
19.	30.11.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							28.00
20.	02.12.24	BELI MAKANAN AYAM(BAJA & JAGUNG)							34.40

DAPAT SAMBUTAN: Ayam kampung kacukan dijual hidup oleh peserta projek dari Kampung Tanam.



ADA PERMINTAAN: Telur puyuh yang dijual oleh peserta projek dari Kampung Teh Oya.